

ISU JUAL BELI LOT BAZAR RAMADAN

'Perlu terus tangkap, batal dan sita'

Kuala Lumpur: “Selepas empat hari Ramadan, kami dapati banyak tapak lot bazar Ramadan sudah dijual. Ada banyak jual beli lot bazar terjadi.

“Kami desak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), apabila sudah didedahkan nombor tapak lot ini, DBKL perlu terus tangkap, batal dan sita,” kata Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPPBWPKL) Datuk Seri Rosli Sulaiman.

Menurut Rosli, penjualan lot tapak bazar Ramadan kali ini bertepatan

dengan apa yang dinyatakannya pada sidang media beberapa minggu sebelum Ramadan.

“Kami mohon DBKL perbaiki untuk kita lihat supaya kalau boleh, kita nak kurang atau pun, kita nak hapuskan isu kartel jual lot tapak bazar Ramadan,” katanya lagi.

Kerana itu, menurut Rosli, persatuan akan mendedahkan secara terperinci kegiatan jual beli tapak lot bazar Ramadan di kawasan sekitar ibu negara pada minggu depan.

“Isu penjualan tapak lot bazar ini sedang diperincikan, cuma nak lengkap-

kan sedikit saja lagi untuk buat hebahan,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan berita kelmarin, bahawa DBKL sudah membuat laporan polis terhadap pihak didapati memanipulasi lesen bazar Ramadan pada tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, agak mengecewakan apabila masih ada cubaan penjualan tapak yang dikesan melalui aplikasi WhatsApp.

“Saya ada nombor telefon individu itu dan tidak teragak-agak menga-

mbil tindakan lebih keras,” katanya di Dewan Negara, kelmarin.

Mengulas lanjut isu itu, Rosli berkata, sekiranya DBKL sudah membuat laporan polis, sepatutnya polis, malah pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sendiri sudah boleh menyiasat dan mengambil tindakan segera.

“Bagi pihak persatuan, saya tak nak umum sekarang. Saya akan umumkan dengan perinciannya sekali dalam sidang media dengan hebahan kenyataan media lengkap bukti yang saya akan nyatakan,” katanya.